

Tarikh Iklan: 16 Mac 2026 (Isnin)



JABATAN LANDSKAP NEGARA  
KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN



**KENYATAAN TENDER**

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor yang berdaftar di Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)/PUKONSA/UPKJ/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori, pengkhususan dan jenis pendaftaran yang berkaitan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:

PEJABAT YANG MEMANGGIL TENDER	TAJUK PROJEK	TARAF/ JENIS SYARIKAT*	GRED, KATEGORI & PENGKUSUSAN/ KELAS	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN MULA DIJUAL	HARGA DOKUMEN DAN BAYARAN ATAS NAMA	TEMPAT, TARIKH DAN MASA TENDER DITUTUP
Jabatan Landskap Negara, Tingkat 10, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya	<b>No. Tender :</b> JLN/T/02/2026  <b>Cadangan Pembangunan Taman Botani Labuan (Tender Semula)</b>	<b>T1 (BUMIPUTERA)</b>  Dipelawa kepada syarikat tempatan yang 100% milik warganegara tempatan	<b>I. Berdaftar dengan CIDB - Gred G5 Kategori CE Pengkhususan CE14– Landskap di Luar Bangunan</b>  dan <b>II. Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK).</b>  dan <b>III. Sijil Taraf Bumiputra (STB).</b>  ATAU <b>IV. Berdaftar dengan PUKONSA Kelas B Tajuk 1 Tajuk Kecil 1 &amp; Tajuk VI Tajuk Kecil 6(a)</b>  ATAU <b>V. Berdaftar dengan UPKJ Kelas B Kepala 1, Sub Kepala 1 &amp; Kepala VI Sub Kepala 5(a)</b>	<b>Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya</b>  Tarikh Dokumen Dijual: <b>7 APRIL 2026 (SELASA)</b>  Hingga <b>21 APRIL 2026 (SELASA)</b>	<b>RM 100.00</b>  (Tidak akan dikembalikan)	Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya  <b>28 APRIL 2026 (SELASA)</b>  <b>Waktu: 12.00 tengahari</b>

## TAKLIMAT TENDER DAN LAWATAN TAPAK

Taklimat tender dan lawatan tapak adalah **DIWAJIBKAN** kepada semua petender. Kontraktor digalakkan untuk hadir lawatan tapak atas tanggungjawab sendiri bagi membantu kontraktor mendapat maklumat yang lebih tepat dan mengetahui keadaan/maklumat tambahan yang berguna bagi menyediakan tawaran Tender. Petender yang menyertai taklimat tender dan lawatan tapak akan dibenarkan untuk membeli dokumen tender.

Tarikh dan Tempat Taklimat Tender :

**2 APRIL 2026 (Khamis) jam 9.30 pagi di Kawasan Parkir, Taman Botani Labuan  
(5.288095, 115.254279)**

**Kenderaan tidak disediakan semasa lawatan tapak.**

**PERINGATAN :** Hanya Penama Di Dalam Sijil Yang Dibenarkan Hadir dan sila kemukakan bersama **SIJIL ASAL** Pendaftaran PKK, CIDB, Sijil Taraf Bumiputra, Sijil PUKONSA, Sijil UPKJ dan Sijil Taraf Bumiputera. Tarikh laku sijil-sijil tersebut hendaklah masih berkuatkuasa sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup tender. Dokumen tender tidak akan dijual kepada mereka yang gagal mengemukakan sijil-sijil tersebut.

Petender **TIDAK DIBENARKAN** untuk menyertai tender ini sekiranya petender didapati tidak mempunyai kesemua pendaftaran kod bidang yang telah ditetapkan. Mana – mana petender yang mengemukakan surat 'Kebenaran Khas Menyertai Tender Di Luar Bidang Pengkhususan' atau surat 'Kebenaran Khas Menyertai Tender bagi Gred yang lebih tinggi / rendah' yang dikeluarkan oleh Pejabat CIDB adalah **TIDAK DITERIMA**.

**SILA BAWA CAP BERALAMAT UNTUK MEMUDAHKAN URUSAN PENDAFTARAN/PEMBELIAN DOKUMEN**

1. Bayaran hendaklah dibuat tanpa tunai melalui aplikasi iPayment semasa pembelian dokumen tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai, cek, draf bank, kiriman wang atau wang pos tidak akan diterima.
2. Dokumen tender boleh dikemukakan secara serahan tangan/kurier dengan mematuhi Prosedur Operasi Piawai (SOP) yang disediakan di dalam **Arahan Kepada Petender**.
3. Dokumen tender yang telah lengkap diisi mestilah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditandakan dengan Tajuk dan Nombor Tender di atas sampul surat. Dokumen ini hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender di **Jabatan Landskap Negara, Tingkat 7, Blok F10, Kompleks Bangunan Kerajaan Parcel F, Presint 1, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62000 Putrajaya** pada atau sebelum jam **12.00 tengah hari, 28 APRIL 2026 (Selasa) Tender No. JLN/T/02/2026** dan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kelewatan atau kehilangan dokumen tender yang dikemukakan melalui pos. Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan juga tidak terikat untuk menerima tawaran rendah atau mana-mana tawaran.
4. Iklan di atas juga boleh diakses dengan melayari laman web rasmi Jabatan Landskap Negara di alamat [www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my) dan web rasmi Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan di alamat [www.kpkt.gov.my](http://www.kpkt.gov.my) dan web myprocurement di alamat [www.myprocurement.treasury.gov.my](http://www.myprocurement.treasury.gov.my).
5. \*Jenis Pendaftaran:
  - T1 - Syarikat 100% milik warganegara
  - A1 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia iaitu syarikat-syarikat yang ditubuhkan dan diperbadankan di Malaysia dan warganegara dengan syarat pegangan saham individu yang tidak melebihi 30% dan Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja dianggotai 100% oleh warganegara.
  - A2 - Syarikat 100% milik warganegara ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di Bursa Malaysia ATAU syarikat usaha sama yang diperbadankan di Malaysia (tidak kira samaada disenaraikan di Bursa Malaysia atau tidak) dengan syarat pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.